



BAGAIMANA MEMBUAT LPA?


- 1 Timbangkan siapa yang anda ingin lantik sebagai penerima kuasa anda dan kuasa yang akan diberi kepada penerima kuasa anda.


- 2 Isikan Borang LPA yang sesuai.



- 3 Berjumpa pengeluar sijil untuk menandatangani sebagai saksi anda dan mengesahkan bahawa anda tahu implikasi membuat LPA.

PENGLUAR SIJIL

SAMA ADA:
PEGUAM SEDANG BERKHIDMAT, ATAU
AHLI PSIKIATRI, ATAU
PENGAMAL PERUBATAN
YANG DIIKTIRAF



- 4 Mohon untuk mendaftarkan Borang LPA anda yang telah diisi dengan Pejabat Penjaga Awam.

MOHON UNTUK MENDAFTARKAN LPA ANDA


- 5 Selepas 3 minggu, LPA anda akan didaftar jika tidak ada bantahan yang sah ditimbulkan.

3 minggu

DIDAFTARKAN





Untuk mendapatkan maklumat lanjut, kunjungi www.msf.gov.sg/opg, telefon 1800-226-6222, atau e-mel enquiry@publicguardian.gov.sg

Pejabat Penjaga Awam

20 Lengkok Bahru, #04-02, Family @ Enabling Village
Singapura 159053

PILIH SELAGI ANDA BOLEH

Lindungi kepentingan anda dengan Surat Kuasa Berkekalan (LPA) hari ini

Kemalangan, angin ahmar atau demensia boleh menyebabkan kehilangan keupayaan mental. Anda boleh membuat LPA untuk melantik seseorang yang anda percayai untuk memutuskan dan bertindak bagi pihak anda sekiranya anda kehilangan keupayaan membuat keputusan anda sendiri.

OFFICE OF THE
**PUBLIC
GUARDIAN**


MSF MINISTRY OF
SOCIAL AND FAMILY
DEVELOPMENT

APA ITU SURAT KUASA BERKEKALAN (LPA)?

LPA ialah dokumen sah di sisi undang-undang yang anda (pemberi kuasa) boleh buat untuk melantik satu atau lebih orang (penerima kuasa) agar bertindak bagi pihak anda sekiranya anda kehilangan keupayaan membuat keputusan anda sendiri. Anda perlu berusia sekurang-kurangnya 21 tahun. Penerima kuasa yang anda lantik boleh bertindak dalam dua bidang yang luas – perihal kebajikan peribadi dan/atau harta benda & hal ehwal.

MANFAAT MEMBUAT LPA

Mendaftarkan LPA dengan Pejabat Penjaga Awam (OPG) membolehkan anda menyatakan pilihan peribadi anda untuk melantik seseorang yang anda percayai sebagai penerima kuasa anda. Individu tersebut akan secara automatik tampil untuk bertindak bagi pihak anda sekiranya anda kehilangan keupayaan mental.

Membuat LPA memberikan kepastian dan ketenangan fikiran untuk anda dan ahli keluarga tersayang anda.

BAGAIMANA MENGGUNAKAN LPA?

(Untuk LPA yang dihantarkan ke Pejabat Penjaga Awam mulai 1 Ogos 2019) Anda boleh mengakses LPA berdaftar anda di portal e-perkhidmatan OPG di go.gov.sg/opgeservices. Penerima kuasa anda juga boleh merujuk kepada salinan lembut LPA berdaftar anda untuk membuat urusan bagi pihak anda sekiranya anda kehilangan keupayaan mental.

BENAR ATAU SALAH?

Jika saya kehilangan keupayaan mental saya, keluarga terdekat saya secara automatik akan dapat menguruskan kewangan saya.

Salah. Keluarga terdekat anda tidak akan secara automatik mempunyai kuasa undang-undang untuk menguruskan hal ehwal anda, termasuk kewangan anda seperti akaun bank dan pembayaran insurans anda sekiranya anda kehilangan keupayaan mental anda. Jika anda belum membuat LPA, mereka perlu memohon kepada mahkamah agar diberi kuasa untuk mengurus hal ehwal anda.

Sekiranya saya telah membuat Wasiat saya, saya tidak perlu membuat LPA.

Salah. Wasiat hanya berkuat kuasa selepas kematian. Tetapi mungkin terdapat keadaan di mana anda masih hidup, namun tanpa keupayaan membuat keputusan anda sendiri. Dalam senario ini, LPA akan membolehkan penerima kuasa yang anda lantik tampil untuk bertindak bagi pihak anda. Selepas kematian, LPA akan dibatalkan dan kemudian Wasiat, jika telah dibuat, akan berkuat kuasa.

SKIM PARA TIMBALAN DAN PENERIMA KUASA PROFESIONAL (PDD)

Jika anda tidak ada anggota keluarga atau rakan rapat untuk dilantik sebagai pembuat keputusan anda untuk LPA, anda boleh menimbangkan melantik seorang penerima kuasa profesional untuk membuat keputusan ini untuk anda.

Profesional ini perlu memenuhi kriteria yang ketat dan lulus kursus pensijilan. Mereka termasuk peguam, profesional perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan sosial.

Para profesional ini juga boleh memohon kepada Mahkamah untuk dilantik sebagai timbalan agar dapat bertindak bagi individu yang:

- tidak membuat LPA sebelum ini; dan
- telah kehilangan keupayaan mental (iaitu keupayaan membuat keputusan).

Bayaran untuk melibatkan timbalan/penerima kuasa profesional dikenakan dan mungkin berbeza mengikut setiap kes.

